

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN KE-35

TEMPAT: KANGAR, PERLIS

TARIKH: 04 JAN 1993

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya dapat kita mengadakan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan bagi kali yang ke-35 pada malam ini. Majlis ini memainkan peranan yang penting kerana di samping memperdengarkan ayat-ayat suci al-Quran serta tafsirannya, juga berjaya mengumpulkan umat Islam di negara ini dalam suasana keagamaan dan persaudaraan yang dapat merapatkan lagi barisan ummah.

2. Umat Islam di Malaysia seharusnya bersyukur kerana dengan izin Allah Subhanahu wa Ta'ala kita semua dapat hidup dalam keadaan aman damai. Keadaan ini membolehkan kita bukan sahaja membuat amal ibadat kita dengan sempurna, tetapi juga dapat mengadakan majlis-majlis agama tanpa gangguan dan sekatan. Keadaan ini berbeza sekali dengan nasib yang menimpa saudara-saudara Islam kita di kebanyakan tempat di dunia ini, di mana mereka dibunuh, diseksa, tidak bebas mengamalkan ibadat dan menghadapi berbagai-bagai kesulitan seperti kebuluran dan pengusiran dari wilayah mereka. Justeru itu, umat Islam di negara ini harus insaf dan sedar bahawa mereka sangat bernasib baik. Masyarakat yang insaf dan bersyukur akan lebih tenang, lebih aman, dan lebih mungkin menambah nikmat yang diperolehi.

3. Dalam ketenangan inilah negara ini mampu membangun sektor-sektor sosial dan ekonominya sehingga kehidupan rakyat menjadi lebih bahagia. Keadaan ini pula membolehkan kita menyempurnakan amal ibadat mengikut kehendak agama kita.

4. Pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan telah mengakibatkan bidang perniagaan atau perdagangan berkembang dengan pesat. Banyak peluang untuk mencari kehidupan yang sempurna wujud untuk rakyat yang sanggup berusaha dan bekerja keras. Dalam hubungan ini, ada disebut di dalam hadis bahawa 9/10 daripada punca rezeki itu adalah daripada perniagaan atau perdagangan. Selain daripada itu kita yang menjadikan sunnah Rasul sebagai panduan hidup tentu sedar bahawa Nabi Muhammad s.a.w. adalah seorang peniaga yang berjaya. Kejayaannya disebabkan oleh kesanggupan Baginda bekerja dengan kuat dan ikhlas semasa berniaga. Jika sunnah Rasul menjadi panduan kita maka kita haruslah memasuki

bidang perniagaan dan perusahaan dengan tekun dan jujur seperti Nabi.

5. Umat Islam diperintah supaya sentiasa berusaha dengan gigih dalam mencari rezeki dan meningkatkan taraf hidup mereka. Allah berfirman dalam surah al-Jumaah ayat 10 yang bermaksud:

"Kemudian setelah selesai sembahyang, (iaitu sembahyang Jumaat) maka bertaburanlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing) dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah".

Ini bererti bahawa pada hari Jumaat pun kita tidak disuruh beristirahat semata-mata. Kita harus bekerja mencari rezeki.

6. Memandangkan kurangnya kesungguhan umat Islam di Malaysia mencari rezeki yang diredai Allah Subhanahu wa Ta'ala, maka tema Majlis Tilawah al-Quran pada kali ini ialah "Wawasan Memajukan Ummah". Tema ini tepat pada masanya kerana pada masa ini kita giat memperkatakan tentang Wawasan 2020. Wawasan memajukan ummah bermaksud bahawa sesuatu umat yang inginkan kejayaan dan kemajuan mestilah mempunyai wawasan yang jelas.

7. Wawasan negara kita Malaysia ialah untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Bagaimanapun, dengan hanya mempunyai wawasan sahaja tidak menentukan ianya akan menjadi kenyataan. Ciri-ciri dan sifat-sifat tertentu adalah diperlukan. Sekali lagi Nabi Muhammad s.a.w. boleh menjadi contoh. Kejujuran dan kegigihan Baginda menyebabkan Baginda menjadi peniaga yang berjaya. Oleh itu, bagi umat Islam kualiti yang lebih utama untuk berjaya dalam bidang perniagaan dan perusahaan ialah kegigihan dan kejujuran. Namun nilai-nilai moral yang lain tidak boleh dilupakan.

8. Dengan memiliki ciri-ciri yang disebutkan di atas, masyarakat Islam di negara ini akan dapat mengambil bahagian dalam proses kemajuan dan menjadi satu umat yang maju setanding dengan bangsa dan kaum lain. Dengan itu akan terpulihlah imej agama Islam dan umat Islam yang telah hilang semenjak zaman kegemilangan Islam beratus tahun dahulu.

9. Umat Islam yang mundur dalam ilmu-ilmu duniawi yang ditekankan oleh Islam sama seperti yang ditekankan kepada ilmu akhirat tidak mungkin memajukan Islam seperti yang ianya telah maju dahulu. Oleh itu selaras dengan tema Wawasan Memajukan Ummah, adalah wajar umat Islam di negara ini berusaha menghayati ajaran Islam yang sebenar yang menuntut supaya kita mengejar kemajuan dunia bersama dengan kebahagiaan di akhirat. Wawasan 2020 yang akan meletakkan rakyat Malaysia sebagai rakyat yang maju adalah menepati ajaran Islam. Harus diingat bahawa yang dituntut bukan kekayaan semata-mata, kerana banyak negara Islam yang kaya raya. Yang dituntut ialah kemajuan ilmu, kecekapan dan kebolehan menguruskan harta kekayaan supaya kita dapat melindungi Islam daripada dihina seperti yang kita lihat

sekarang.

10. Dalam penguasaan ilmu, umat Islam di negara ini masih ditahap yang rendah terutama di bidang-bidang perdagangan, perusahaan, sains dan teknologi, walaupun disadari bahawa bidang-bidang ini perlu untuk pembangunan negara dan kejayaan Wawasan. Kita jelas tidak mempelajari daripada sejarah kegemilangan Islam di abad-abad yang lalu di mana penguasaan ilmu-ilmu sains dan teknologi telah meletakkan negara dan umat Islam di tempat yang tinggi di mata dunia.

11. Umat Islam seharusnya tidak menjadi pengguna sahaja. Mereka hendaklah berusaha menjadi pencipta dan pengeluar berbagai-bagai keperluan hidup yang mereka beli dan guna sekarang. Umat Islam yang hanya tahu menggunakan barangan orang lain akan mudah dikuasai oleh pembekal.

12. Walaupun Islam menegaskan bahawa kemiskinan adalah hampir kepada kekufuran, ramai di kalangan umat Islam yang percaya bahawa umat yang miskin lebih kukuh iman mereka. Justeru itu sebarang usaha untuk menjayakan orang Islam di dunia dianggap tidak penting, bahkan bertentangan dengan agama. Tidak hairanlah jika kita dapati di seluruh dunia tidak ada satu pun masyarakat Islam atau negara Islam yang maju daripada segi ekonomi atau kecekapan dalam bidang pembuatan dan pemasaran. Yang kaya antara negara Islam hanyalah yang dikurniakan sumber kekayaan oleh Tuhan. Dan mereka ini pun bergantung kepada pihak lain untuk mengeluarkan kekayaan ini. Kerap kali setelah sumber kekayaan ini dikeluarkan, mereka tidak berjaya menguruskannya secara yang mendatangkan manfaat sepenuhnya kepada diri sendiri atau umat Islam lain. Kerap kali juga kekayaan ini digunakan untuk permusuhan sesama orang Islam sendiri.

13. Di Malaysia sikap orang Islam tidak banyak berbeza dengan sikap orang Islam di lain-lain negara di dunia. Jika ada usaha untuk memajukan orang Islam di Malaysia supaya sekurang-kurangnya setanding dengan orang lain di dalam negara, akan ada kumpulan-kumpulan yang giat berusaha mengembangkan ajaran anti kemajuan. Ada yang ingin balik kepada keadaan masyarakat 1400 tahun dahulu seolah-olah Islam adalah untuk masyarakat di zaman itu sahaja. Sunnah yang ditekankan oleh mereka ialah yang tertumpu kepada rupa bentuk Islam dan tidak kepada isi kandungan Islam yang kita tahu telah berjaya membentuk umat yang sanggup menghadapi cabaran sehingga dapat mendirikan sebuah empayar Islam yang lebih besar dari empayar-empayar yang sebelumnya.

14. Walaupun kumpulan-kumpulan anti kemajuan ini giat berusaha, Malaysia masih berjaya menjadi negara contoh kepada dunia ketiga. Malaysia dianggap sebagai sebuah negara membangun yang berjaya. Kedatangan mereka untuk mempelajari cara-cara kita membangunkan negara membuktikan kehormatan mereka kepada kita.

15. Demikian juga dalam dunia Islam, Malaysia dan orang-

orang Malaysia yang beragama Islam harus menjadi contoh kepada negara-negara dan umat Islam keseluruhannya. Adalah menjadi satu kewajiban kita untuk membuktikan bahawa Islam adalah agama kejayaan bagi dunia dan akhirat. Untuk ini kita harus ketepikan pandangan dan tafsiran yang sempit terhadap ibadat, terhadap isi kandungan al-Quran dan terhadap hadis dan sunnah Nabi. Yang menyebabkan kita mundur dan dipandang rendah bukan al-Quran dan hadis tetapi tafsiran-tafsiran yang dibuat oleh orang-orang tertentu yang berkepentingan sendiri.

16. Demikian ahli-ahli fikah di zaman Sepanyol berada di bawah pemerintahan orang Islam telah terlalu ghairah dengan perbahasan dan polemik berkenaan dengan hukum-hakam Islam, sehingga kekuatan pemerintahan dan ketahanan wilayah-wilayah Islam tidak diberi perhatian. Apabila Sepanyol menyerang balas untuk menakluk semula negara mereka, negeri-negeri Islam tidak mampu mempertahankan diri walaupun ulama pada masa itu mendesak supaya bersungguh-sungguh mempertahankan wilayah Islam. Akhirnya orang Islam dihalau keluar dari Andalusia, nama yang diberi orang Arab kepada Sepanyol pada tahun 1492, iaitu 500 tahun dahulu. Di Afrika juga mereka tidak selamat. Akhirnya semua negara Islam di Afrika Utara dijadikan tanah jajahan kuasa-kuasa Barat.

17. Sempena Majlis Tilawah al-Quran pada tahun ini, saya difahamkan satu Seminar al-Quran yang bertujuan untuk mendalami isi kandungan al-Quran dan mengukuhkan lagi keyakinan ummah melalui penghayatan ajaran al-Quran yang sebenar dalam kehidupan harian akan diadakan. Al-Quran tidak bertukar tetapi di masa-masa lampau banyak tafsiran yang dibuat yang tidak tepat dan perlu dibetulkan. Al-Quran yang ditafsir dengan betul tidak akan menghalang kemajuan umat sepertimana ia tidak menghalang kemajuan umat Islam dahulu dan sudah tentu tidak akan menjadikan mereka lemah dan dihina seperti yang berlaku sekarang.

18. Justeru itu, adalah diharapkan semua pihak akan menjadikan al-Quran bersama hadis yang sahih sebagai panduan hidup yang akan membimbing manusia ke arah kemajuan dan pembangunan yang seimbang di dunia dan akhirat. Al-Quran sepatutnya dijadikan panduan hidup dan mati dan bukan sekadar disimpan sebagai hiasan atau diambil berkatnya sahaja. Saya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala agar usaha murni semua pihak untuk meletakkan al-Quran di tempat yang agung dan mulia diberkatiNya.

19. Dengan ini, saya dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' merasmikan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-35 dan Seminar al-Quran Peringkat Kebangsaan yang Pertama. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.